

27 JAN 2003

Rencana-Kapal Layar

LANGKAWI BERPOTENSI SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN MARITIM

Oleh: Noor Hammad Wariman

LANGKAWI: Langkawi bakal muncul sebagai destinasi pelancongan maritim pilihan antarabangsa yang mampu menarik perhatian pelayar dari segenap pelosok dunia berikutan pelbagai kemudahan yang sedang dilaksanakan di pulau itu.

Dengan cadangan kerajaan untuk mengkaji kemungkinan menjadikan Langkawi sebagai pusat pendaftaran kapal pesiar, ia secara tidak langsung akan meletakkan nama negara di peta pelayaran dunia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengemukakan cadangan itu semasa membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat.

Langkah itu merupakan satu pembaharuan kepada industri kapal layar Malaysia dan secara tidak langsung dapat menyemarakkan industri kapal layar di negara ini.

Pada masa ini pendaftaran kapal layar dibuat di negara luar terutama di pulau Cayman di kepulauan Carribean.

USAHA UNTUK MENARIK PENDAFTARAN

Pelayar negara, Datuk Azhar Mansor, ketika ditanya berhubung cadangan itu berpendapat apa yang penting ialah kerajaan perlu menyediakan insentif tertentu atau apa jua bentuk pelepasan cukai bagi menarik lebih banyak kapal pesiar didaftarkan di Langkawi.

Dengan cara demikian, pemilik kapal pesiar antarabangsa akan tertarik untuk datang ke Langkawi bagi mendaftarkan kapal pesiar mereka, katanya.

Azhar berkata apabila kapal pesiar didaftarkan di Langkawi, secara tidak langsung nama Malaysia akan terkenal di kalangan ahli pelayaran apabila bendera Jalur Gemilang dikibarkan di merata dunia.

"Dengan cara itu juga ia dapat memperkenalkan dan menaikkan imej Langkawi sebagai destinasi pelancongan antarabangsa," katanya.

Kerajaan sentiasa memberi galakan kepada pertumbuhan industri pelancongan Langkawi apabila pelayar asing yang singgah di Pulau Rebak di sini secara automatik mendapat pas lawatan selama dua tahun.

SYARAT PAS LAWATAN

Kerajaan memberikan pas lawatan itu sejak 1999 dengan syarat mereka cuma datang bercuti dan tidak terlibat dalam aktiviti perniagaan dan politik. Sebelum ini pas lawatan hanya diberi untuk tempoh setahun.

Menurut jurucakap Jabatan Imigresen, pemberian keistimewaan itu bertujuan menjadikan Langkawi sebagai pusat perahu layar di samping pelayar tidak perlu keluar setahun sekali untuk memperbaharui pas lawatan.

Mengikut perangkaan Jabatan Imigresen Langkawi sebanyak 877 kapal layar asing dengan 2,706 anak kapal memasuki pulau peranginan ini sepanjang tahun lepas.

Sehingga Oktober tahun ini sahaja, sebanyak 574 kapal layar dengan 1,823 anak kapal pula telah memasuki Langkawi.

Langkawi mempunyai beberapa tempat tumpuan persinggahan kapal iaitu di Royal Langkawi Yacht Club, Kuah, Rebak Marina resort di Pulau Rebak, PSC-Wavemaster di Tanjung Lembung dan Awana Porto Malai Resort, Tanjung Malai di sini.

Rebak Marina mempunyai kira-kira 120 tempat berlabuh bagi kapal layar pada satu-satu masa dengan kemudahan penginapan bertaraf antarabangsa sesuai dengan jolokannya sebagai "Carribean of the East".

Marina di pulau itu juga mempunyai kemudahan limbungan kering

(hardstand) bernilai RM10 juta, pertama seumpamanya di negara ini untuk membaikpulih kapal dan mampu menempatkan 70 kapal layar pada satu-satu masa.

Pembinaan limbungan itu mempunyai kepentingan tersendiri dan cuba bayangkan jika separuh daripada lebih 20,000 kapal layar di Asia Tenggara, kebanyakannya berpangkalan di Hong Kong, Thailand dan Singapura dapat ditarik untuk menggunakan kemudahan itu di Langkawi?.

Limbungan PSC di Tanjung Lembung pula juga menyediakan kemudahan membaikpulih kapal layar dan kapal layar mewah di kawasan seluas 4.8 hektar yang telah mula beroperasi awal tahun ini.

PELBAGAI KEJOHANAN DIATUR

Menyedari kepentingan industri kapal layar di Langkawi, beberapa kejohanan telah diatur seperti Kejohanan Perahu Layar Regatta Perdana Kedah Langkawi 2003 yang akan berlangsung selama tiga hari mulai 14 Feb tahun depan.

Anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib berkata lebih 200 pelayar dalam dan luar negara dijangka menyertai kejohanan yang dianjurkan oleh Persatuan Perahu Layar Kedah.

Sementara itu, Royal Langkawi Yacht Club pula akan menganjurkan Royal Langkawi International Regatta 2003 bagi merebut Piala pusingan Perdana Menteri yang akan diadakan selama enam hari mulai 11 Mac tahun depan.

Pengerusinya Tunku Tan Sri Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman berkata sebanyak 60 pelayar akan menyertai kejohanan itu yang diadakan bagi mengenang jasa dan sumbangan Dr Mahathir membangunkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan antarabangsa.

Regatta itu dibahagikan kepada dua kategori dengan bot besar akan bertanding bagi merebut Piala Perdana Menteri manakala kapal layar yang berdaftar dengan kelab itu akan bersaing untuk merebut Royal Langkawi Yacht Club Commodore's Cup.

Menyedari mengenai potensi industri maritim di rantau ini, Tunku Abdullah berkata Royal Langkawi Yacht Club telah membina 340 meter panjang "pemecah ombak" (seawall or breakwater) bernilai RM12 juta yang telah siap pada pertengahan November.

Melalui projek itu, keupayaan kapal layar berlabuh di RYLC telah dapat dipertingkatkan daripada 44 kepada 201 buah pada satu-satu masa.

Beliau yakin dengan masa depan industri kapal layar Langkawi yang secara tidak langsung akan mempromosikan negara ini sebagai destinasi selamat.

Hasrat kerajaan menjadikan Langkawi sebagai tempat tumpuan kapal layar itu juga dapat dilihat melalui pembinaan pusat peranginan kapal layar "Harbour Park Langkawi" di Pantai Kok di sini.

Projek dua fasa bernilai RM40 juta di kawasan 12 hektar itu akan menempatkan kemudahan yang memenuhi citarasa pelbagai pelancong di samping sebuah marina yang mampu menempatkan 100 kapal layar pada satu-satu masa.

FAKTOR TARIKAN PELAYAR ASING

Pegawai Laut Langkawi Hafiz Abdul Majid berkata Langkawi yang terlindung daripada tiupan angin, suasana damai dan kos berlabuh di sini yang murah merupakan faktor utama yang menarik pelayar asing singgah di pulau peranginan ini.

Selain berlabuh di perairan Kuah, pelayar asing mempunyai banyak pilihan lain termasuk di Royal Langkawi Yacht Club di Kuah, Awana Porto Malai di Tanjung Malai dan Rebak Marina di Pulau Rebak.

Perairan sekitar Kuah menjadi tumpuan berlabuh kapal layar di sini kerana kosnya amat murah iaitu kadar paling minimum ialah RM5 bagi setiap kapal yang masuk ke Langkawi dan RM2 sebulan jika kapal layar berlabuh di

perairan itu.

"Jika mereka memasuki Thailand, kosnya adalah lebih tinggi dan ini antara daya penarik di Langkawi," katanya.

Katanya, hampir setiap bulan, tidak kurang daripada 300 kapal layar berlabuh di perairan itu berikutan kosnya yang murah walaupun kerja-kerja penyenggaraan dilakukan sendiri.

Selain itu, dengan berlabuh di perairan Kuah, pelayar asing mudah untuk mendapatkan keperluan mereka memandangkan ia berdekatan dengan tempat membeli belah. -- Bernama

NH RR CR